

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini menjelaskan tentang kaedah kajian yang digunakan bagi menjawab segala persoalan yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Bab ini menerangkan mengenai reka bentuk kajian, instrument kajian, kaedah kajian, prosedur kajian dan carta aliran proses perjalanan kajian. Kaedah pengumpulan data adalah dalam bentuk temubual, analisis data yang akan diterangkan secara terperinci.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan keadah kajian kualitatif. Penelitian kualitatif merupakan salah satu kaedah kajian yang menyeluruh untuk menganalisis fenomena peristiwa, aktiviti sosial, sikap, kepercayaan, pemikiran sama ada secara individu mahupun secara berkelompok (Sukmadinata, 2010) Pemilihan reka bentuk yang tepat berupaya menajihkan dapatan-dapatan kajian yang tepat dan tulen (Aryandi, & Munawar, 2014).

Pendekatan kajian kualitatif dipilih adalah disebabkan oleh beberapa faktor utama antaranya adalah seperti yang berikut:

- i. Dengan menggunakan pendekatan ini, pengkaji dapat melihat dan memahami dengan lebih dekat terhadap tatacara pengurusan gejala buli di sekolah-sekolah melalui aktiviti-aktiviti pencegahan serta cabarabn yang dihadapi ke arah mengurangkan gejala buli dalam sektor pendidikan.

- ii. Membantu pengkaji mengumpul banyak maklumat menggunakan pelbagai jenis kaedah bagi membolehkan kajian ini dijalankan dengan lebih menyeluruh dan mendalam.
- iii. Kajian ini dapat memenuhi hasrat pengkaji untuk melihat secara langsung bagaimana kaedah pengurusan kes buli yang berlaku dalam sektor pendidikan.

### **3.3 Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan kajian rintis. Kajian rintis ini dilaksanakan adalah untuk membantu pengkaji mengenalpasti tahap kebolehlaksanaan atau tahap kemunasabahan kajian sebenar yang akan dijalankan disamping meningkatkan keabsahan dalam instrument kajian. Tujuan kajian rintis dilakukan untuk memperbaiki senarai semak protokol temubual yang dibina oleh pengkaji. Selain itu, kajian rintis ini memahirkan diri pengkaji dengan perkara teknikal semasa membuat kajian sebenar.

Pengkaji telah melakukan kajian rintis di tempat yang sama tetapi berlainan informan, walaupun kajian rintis ini dilakukan di tempat yang sama, namu pengkaji menggunakan subjek kajian yang berlainan dengan populasi subjek untuk kajian yang sebenar. Ia dilakukan dengan menggunakan subjek lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan ciri-ciri subjek populasi kajian. Ciri-ciri tersebut tersebut termasuk peringkat umur, latar belakang pendidikan dan juga guru-guru di dalam bidang kaunseling dan biro disiplin. Tujuan utama dijalankan kajian rintis ini ialah untuk mengetahui kesahan soalan samada peserta kajian memahami objektif soalan atau sebaliknya.

Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa ada beberapa perkara yang perlu diambil perhatian. Antaranya adalah hubungan yang baik

perlu dijalinakan dengan sebaiknya antara pihak sekolah dan penkaji bagi memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat yang tepat serta memenuhi objektif kajian yang sedang dijalankan. Hasil daripada kajian rintis ini, pengkaji mendapatkan maklum balas seperti yang berikut:

- i Peserta kajian memahami kandungan soalan ujian soalan temubual.
- ii Informan dapat membaca dengan jelas setiap soalan dan tidak berlaku kekliruan, cuma terdapat sedikit penambahbaikan kepada soalan temubual.
- iii Soalan yang diajukan bersesuaian dengan objektif yang sedang dikaji.


Dalam kajian rintis ini, pengkaji telah mengambil masa selama tiga bulan di empat buah sekolah iaitu (1/4/2023-30/6/2023). Bulan yang pertama pengkaji telah pergi ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besi (S01) dan Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Selatan (S03). Manakala pada bulan ke dua pula di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selayang (S02) dan pada bulan yang terakhir di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi (S04). Di sana, pengkaji telah mendapatkan maklumat secara langsung berkaitan dengan pengurusan gejala buli di sekolah-sekolah yang terlibat dengan kajian ini.

### **3.4 Prosedur Kajian**

Sebelum kajian dijalankan, beberapa langkah telah diambil oleh pengkaji bagi memastikan proses kajian dijalankan dengan lancar dan teratur. Prosedur yang dijalankan oleh pengkaji adalah seperti yang berikut:

- i Mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui portal ERAS disusuli panggilan telefon bagi mendapatkan surat kelulusan untuk menjalankan kajian di sekolah di bawah kelolaan Kementerian.

- ii Setelah mendapatkan surat kelulusan daripada pihak KPM, pengkaji telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk mendapatkan surat kelulusan melalui pesanan e-mel kepada Tuan Pengarah bagi kedua-dua Jabatan Pendidikan Negeri yang terlibat dengan kajian ini.
- iii Setelah mendapatkan surat kelulusan daripada KPM dan JPN, pengkaji seterusnya mengemukakan permohonan kepada sekolah-sekolah melalui panggilan telefon dan pesanan e-mel.
- iv Setelah proses pengurusan permohonan dan teknikal selesai, pengkaji akan mengadakan sesi temubual dengan wakil daripada agensi-agensi tersebut.
- v Semua maklumat dan data yang diperolehi melalui sesi temubual itu akan dicatat dan direkodkan sebelum dianalisa.



**Rajah 3.1** Prosedur Kajian

### 3.5 Tempat Kajian

Menurut (Gupta & Jana2003) penentuan pemilihan tempat kajian adalah sangat penting kerana ia menjadi penanda aras kepada sesebuah kajian yang sedang dijalankan. Bagi memenuhi keperluan proses pengumpulan data kajian kualitatif yang menjalankan kajian dalam bentuk lapangan bagi proses pengumpulan data (Williams 2007) pengkaji telah membuat keputusan untuk membuat kajian di empat buah sekolah yang terletak di sekitar Lembah Klang sahaja. Pemilihan tempat kajian dibuat berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang menyenaraikan

sebananyak 402 sekolah ‘hotspot’ seluruh Malaysia yang terlibat isu dadah dan disiplin. Sekolah “Hotspot” merujuk kepada masalah disiplin yang berunsurkan jenayah gengsterisme dan penyalahgunaan najis dadah (Mahdzir K, 2017).

Dalam kajian ini, sekolah yang dipilih adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besi, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selayang, Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Selatan dan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi. Sepanjang proses penulisan laporan kajian ini dijalankan, sekolah-sekolah tersebut dilabelkan sebagai S01 (SMK Sungai Besi), S02 (SMK Taman Selayang), S03 (SK Bandar Tasik Selatan) dan S04 (SK Bandar Baru Salak Tinggi).

Manakala dari sudut aspek pengurusan buli di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pula, pengkaji pada mulanya ingin menemubual seorang informan daripada KPM, namun disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan, pengkaji telah membuat keputusan untuk menemubual seorang informan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Melaka. Antara faktor dan perkara yang menjadi pertimbangan pengkaji untuk menjalankan kajian di sekolah tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Sebagai memenuhi objektif pertama kajian ini iaitu mengenalpasti kaedah pencegahan buli yang dilaksanakan dalam sektor pendidikan di Malaysia. Kesemua sekolah ini dikira memenuhi kriteria yang ingin dikaji oleh pengkaji iaitu termasuk dalam sektor pendidikan rendah dan menengah.
- ii. Menurut (Ward 1989) bahawa pemilihan tempat kajian mestilah mudah (*simplicity*) dan tidak kompleks bagi menjimatkan masa kajian. Bagi pengkaji, kesemua tempat kajian yang dipilih adalah wajar dan memenuhi kemampuan pengkaji memandangkan lokaliti utama pusat kajian ini dijalankan berada di

kawasan Lembah Klang dan kawasan yang berhampiran dengannya iaitu Negeri Melaka.

- iii. Memandangkan ini adalah kajian yang melibatkan sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia, pengkaji berpendapat tidak menjadi kesalahan untuk menemubual informan dari JPN Melaka dan ini dapat menambahkan lagi maklumat berkaitan masalah gejala buli yang sedang dikaji.
- iv. Nilai sikap kerjasama yang baik yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan sekolah dan jabatan pendidikan negeri Melaka yang dapat membantu serta memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian kelak.

### **3.6 Peserta Kajian**


Pemilihan peserta kajian dalam kajian kualitatif adalah bertujuan untuk “purposive sampling” (Campbell et al., 2020). Peserta kajian dipilih dari kalangan mereka mempunyai pengalaman luas mengenai dalam bidang yang sedang dikaji dan berupaya memberi maklumat yang jelas dan tepat bersesuaian dengan dengan tajuk kajian serta persekitaran yang diperlukan dalam kajian.

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 6 orang. Penentuan bilangan peserta kajian tidak menjadi persoalan penting dan tidak ada garis panduan kepada bilangan sampel kajian bagi kajian kualitatif (Taylor & Bogdan 1984).

Dalam kajian ini, peserta kajian yang dipilih untuk pengumpulan data terdiri daripada seorang pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri Melaka iaitu pegawai dari sektor pembangunan murid dan guru-guru serta pentadbir sekolah yang berperanan besar terhadap isu-isu berkaitan dengan pengurusan buli di sekolah. Antara aspek penting dalam pemilihan peserta kajian adalah informan kajian mestilah mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang luas dalam bidangnya bagi

mendapatkan data yang lengkap dan sempurna. Di sekolah menengah pengkaji telah memilih Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan guru disiplin, manakala di sekolah rendah pula, pengkaji hanya memilih hanya seorang guru disiplin sahaja bagi setiap sekolah yang terlibat. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada bidang tugas yang diperuntukkan kepada mereka yang mana setiap kes buli yang berlaku di sekolah para pelajar akan berjumpa dengan guru disiplin dan GPKHem.

Pengkaji memperincikannya seperti berikut:



**Rajah 3.2** Peserta Kajian

Setelah mengenalpasti sekolah yang akan terlibat dengan kajian yang akan dijalankan, pengkaji seterusnya akan pergi ke sekolah tersebut melakukan kajian rintis terlebih dahulu sebelum menemubual dua informan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besi, iaitu Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar dan Guru Disiplin dan satu informan dari setiap Sekolah Kebangsaan.

Bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selayang, pengkaji hanya dapat menemubual seorang sahaja informan iaitu guru disiplin, manakala guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar tidak dapat ditemubual berikutan daripada masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian, hanya seramai lima orang informan sahaja yang terlibat dalam sesi ini yang terdiri dari empat buah sekolah yang berlainan,

iaitu dua sekolah dari Negeri Selangor dan dua buah sekolah dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Manakala pengkaji telah menemubual seorang informan dari Jabatan Pendidikan Negeri Melaka iaitu Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan Negeri.

Bagi tujuan penulisan laporan kajian, nama-nama peserta kajian dan semua maklumat yang diperolehi oleh pengkaji adalah dirahsiakan.

### **3.7 Kaedah Pengumpulan Data**

Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk mengumpul data dalam sesebuah kajian, antaranya adalah kaedah temubual, kaedah ini mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian kualitatif. Kaedah temubual dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu temubual berstruktur, temubual separa struktur dan temubual tidak berstruktur (Qu & Dumay 2011). Selain itu, kebanyakan pengkaji kajian kualitatif menggunakan dua metod dalam proses pengumpulan data dan maklumat, metod tersebut adalah temubual dan analisis dokumen (Owen, 2014). Oleh yang demikian, pengkaji mengambil pendekatan untuk menggunakan hanya dua metod sahaja dalam proses pengumpulan data kajian iaitu temubual dan analisis dokumen. Perincian penggunaan metod tersebut adalah seperti yang berikut:

#### **3.6.1 Temubual**

Temubual membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat-maklumat lanjut mengenai sesuatu perkara atau topik yang lebih kompleks, yang mungkin tidak begitu jelas dan sukar diperolehi atau dibuat kesimpulan melalui kaedah pemerhatian semata-mata. Ia merupakan satu kaedah untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada penyampai maklumat.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temubual separa struktur, kaedah ini difikirkan sesuai dengan tajuk yang dipilih kerana bersifat fleksibel yang membolehkan informan menghuraikan segala persoalan yang diutarakan mengikut kepakaran dan kefahaman tersendiri (Morgan & Spanish, 1984). Beberapa buah sekolah akan terlibat dengan sesi temubual yang akan dijalankan bagi mengenalpasti isu sebenar yang berlaku, antaranya adalah dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan dan dua buah Sekolah Kebangsaan masing-masing di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jabatan Pendidikan Negeri Melaka juga terlibat dengan sesi temubual iaitu dari sektor pengurusan sekolah.

Temubual separa struktur akan melibatkan pembinaan set soalan utama yang akan ditanya semasa sesi temubual dijalankan. Oleh kerana kaedah temubual ini bersifat fleksibel, adalah mungkin untuk para responden menjawab dengan panjang lebar berdasarkan pengetahuan, kefahaman dan pengalaman masing-masing. Menurut (McIntosh, & Morse 2015) menjelaskan bahawa kaedah temubual separa struktur membenarkan para pengkaji untuk menyoal lebih jauh berbanding kepada piawai soalan yang telah disediakan.

Soalan yang dikemukakan kerap menggunakan tanda tanya seperti apakah, bagaimanakah dan sejauhmanakah bagi membolehkan informan kajian menjawab persoalan yang diajukan secara terperinci dan dapat mengelakkan informan daripada menjawab dengan jawapan ya dan tidak.

Dalam kajian ini, Sebelum protokol temubual digunakan dalam kajian sebenar, pengkaji meminta perkhidmatan beberapa orang pakar untuk menyemak protokol tersebut terlebih dahulu. Sebaik sahaja pengkaji dapat menyusun protokol temubual, pengkaji meminta perkhidmatan beberapa orang pakar untuk menyemak dan memberikan komen terhadap protokol temubual tersebut. Pakar-pakar yang pengkaji

maksudkan adalah pengetua dari Sekolah Kebangsaan Hamzah 2 iaitu En Zahari Bin Mohamed dan guru kaunseling dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besi iaitu Pn Nizawati Binti Hashim. Pengkaji membuat pemilihan pakar berdasarkan kepada pengalaman mereka yang berkhidmat dalam bidang pendidikan lebih dari 25 tahun. Setelah pakar berkenaan memberikan pandangan dan komen mereka terhadap protokol yang dibina, pengkaji memperbaiki semula sesuai dengan komen-komen yang mereka berikan.

Sepanjang proses temubual dijalankan, pengkaji telah membuat rakaman dengan menggunakan alat perakam daripada telefon bimbit jenis Redmi Note 10 Model 2201116TG. Tujuan utama pengkaji menggunakan alat perakam ini adalah untuk memastikan semua maklumat yang diperolehi dapat disimpan dengan selamat. Semua rakaman yang diperolehi disalin semula dalam bentuk transkrip di fail *Microsoft Word*. Kesemua data tersebut dilampirkan dalam program ATLAS.ti 9 bagi tujuan proses pengkodan dan penganalisan data.

### **3.6.2 Analisis Dokumen**

Dapatan daripada temubual dan pengumpulan data pemerhatian dalam kajian ini diperkuatkan lagi dengan kaedah pengumpulan dokumen. Sesuatu dokumen itu terdiri daripada sebarang rekod bertulis atau sebaliknya yang boleh menambahkan maklumat dan kefahaman pengkaji mengenai kajian yang sedang dijalankan. Dalam kajian ini, pengkaji mengumpulkan data dan maklumat melalui sumber-sumber bertulis, surat khabar serta bahan elektronik seperti laman web dan lain-lain sumber yang berkaitan.


Satu kajian teoritikal akan dijalankan melalui pengumpulan data sekunder yang berkaitan faktor yang menyumbang kepada gejala buli dalam sektor pendidikan di

Malaysia. Kajian teoritikal ini dipilih kerana pengkaji inginkan kajian yang dijalankan selari dengan objektif yang telah dikemukakan. Pada fasa ini kajian akan dijalankan dengan teliti, dianalisis dengan cermat sebelum diletakkan di atas kertas kajian melalui pengumpulan data sumber skunder kajian seperti jurnal, buku, prosiding seminar dan sebagainya bagi mengenal pasti isu sebenar yang berlaku berkaitan jenayah buli dalam sektor pendidikan negara di Malaysia.

Kajian teoritikal juga akan dijalankan terhadap elemen – elemen pencegahan jenayah buli dalam sektor pendidikan yang boleh diekstrak daripada Sunnah Nabawiyah. Pada fasa ini kajian akan dijalankan terhadap elemen-elemen pencegahan yang boleh diekstrak daripada hadis Rasulullah S.A.W yang mana hanya hadis-hadis sahih daripada enam kitab hadis *Sunan Sittah* sahaja dinilai dan dianalisis.

Mempelbagaikan kaedah pengumpulan data sangat penting bagi pengkaji dan penyelidik kerana dapat memberi tranguasi atau pengukuhan antara kaedah-kaedah yang digunakan. Penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data juga dapat memastikan pengkaji tidak bergantung kepada satu kaedah sahaja bagi tujuan pengukuhan dan kesahan reka bentuk kajian yang dilakukan.

Rajah 3.4 berikut merupakan prosedur yang dilakukan oleh pengkajin untuk pengumpulan data:



**Rajah 3.3** Prosedur pengumpulan data dapatan kajian

Secara keseluruhannya, penyelidikan dalam kajian ini menggunakan kaedah temubual dan analisis dokumen yang berkaitan bagi menyokong dapatan kajian. Mempelbagaikan kaedah pengumpulan data ini penting bagi memberi triangulasi atau pengukuhan antara kaedah-kaedah yang digunakan. Selain itu, dapat memastikan pengkaji tidak bergantung sepenuhnya kepada satu kaedah sahaja bagi mengukuhkan kesahan dalam reka bentuk kajian.

### **3.8 Analisis Data**

Data-data temubual yang diperolehi sepanjang kajian ini dilakukan dianalisis melalui beberapa proses. Selepas daripada proses temubual dijalankan kepada semua peserta kajian, pengkaji melakukan proses transkripsi data verbatim, membuat saringan, pembinaan kod-kod, pembinaan temadan paparan hasil. Penganalisisan data merupakan proses memberi makna dan maksud terhadap data yang dikumpulkan.

Dalam kajian ini, setelah pengkaji mendapatkan data-data temubual daripada informan kajian, pengkaji telah mentranskripsikan data dalam bentuk verbatim dan dihantar semula kepada peserta kajian untuk disemak. Pengkaji telah menghantar transkripsi data temubual kepada peserta kajian melalui pesan e-mel atau serahan tangan berdasarkan kepada persetujuan peserta kajian. Pengkaji hanya membuat serahan tangan kepada peserta kajian di SMK Sungai Besi sahaja dan selebihnya melalui pesanan e-mel. Seterusnya pengkaji menganalisis dan meneliti data-data yang diperolehi bagi mengenalpasti tema dan subtema fenomena yang dikaji serta pengurusan data menggunakan perinsian ATLAS.ti9.

### **3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Menurut (Brink 1993) menyatakan bahawa kesahan dan kebolehpercayaan merupakan elemen yang sangat penting kepada seseorang pengkaji, kesahan adalah ketetapan, kebenaran dan kebolegunaan instrument untuk membolehkan pengkaji membuat kesimpulan yang tepat berdasarkan data kajian yang diperolehi.

### 3.9.1 Kesahan

Terdapat enam strategi asas dalam menentukan kesahan, iaitu triangulasi, pemeriksaan peserta kajian, pemerhatian yang lama di lapangan, kolaborasi dengan peserta kajian dan bias penyelidikan (Wallendorf & Belk 1989). Dalam kajian ini, pengkaji membuat beberapa teknik yang dicadangkan oleh (Miles & Huberman 1984). Teknik-teknik tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Memeriksa kesan penyelidikan
- ii. Membuat triangulasi
- iii. Bertaklimat dengan rakan sejawat
- iv. Mendapatkan pengesahan daripada peserta kajian

Huraian kepada setiap teknik yang dipilih diuraikan dengan lengkap dan terperinci seperti berikut:

#### I. Memeriksa kesan penyelidikan

Sebelum proses temubual dan pemerhatian dijalankan, pengkaji terlebih dahulu membina satu ikatan bagi tujuan penyesuaian diri dengan peserta kajian kerana menurut (Nichols, & Maner 2008) menyatakan bahawa kehadiran pengkaji dapat mempengaruhi tingkah laku peserta kajian.

Pengkaji juga turut menerangkan beberapa maklumat penting kepada peserta kajian seperti tujuan kajian, proses dan cara mendapatkan maklumat dan bagaimana proses mengolah data dan maklumat yang diperolehi. Antara kaedah yang dicadangkan oleh Miles (1984) untuk mengelakkan bias adalah dengan cara berada di lapangan dalam tempoh masa yang panjang bagi memberi gambaran yang lebih jelas kepada informan kajian, apa yang dikaji? bagaimana data dikumpulkan dan apa yang akan dilakukan terhadap data yang diperolehi.

## II. Membuat triangulasi

Membuat triangulasi bermaksud mengemukakan dan menggunakan dua atau lebih kaedah dalam proses pemungutan data bagi sesebuah kajian terhadap beberapa aspek perlakuan manusia (Mitchell 1986). Triangulasi adalah satu kaedah yang diambil daripada kajian sains sosial untuk menyalurkan idea bahawa untuk mendapatkan sesuatu data atau maklumat memerlukan lebih dari satu sumber. Manakala menurut Huberman (1984) triangulasi digunakan untuk menyokong sesuatu dapatan dengan menunjukkan dapatan yang sama ataupun tidak bertentangan dengan dapatan itu.

Teknik membuat triangulasi adalah untuk meminimumkan bias dan memastikan kesahan terhadap sesuatu data yang diperolehi (Begley, 1996).

## III. Bertaklimat dengan rakan sejawat

Bertaklimat dengan rakan sejawat merupakan satu teknik yang digunakan oleh (Chereni, et al., 2020) dalam kajian beliau. Melalui teknik ini, pengkaji dapat membuat satu perbincangan mengenai isu dan masalah yang berkaitan dengan dapatan dan kaedah pengutipan data dengan rakan-rakan yang mempunyai minat dan kepakaran dalam bidang yang sama.

Dalam kajian yang sedang dijalankan ini, pengkaji telah membuat banyak perbincangan mengenai topik kajian dengan beberapa orang rakan sepengajian. Selain membuat perbincangan mengenai objektif kajian, mereka juga banyak memberi komentar serta cadangan mengenai pembentuka tema-tema yang perlu ada semasa proses kajian ini dijalankan. Data-data yang diperolehi oleh pengkaji dibentangkan kepada rakan-rakan dan juga penyelia bagi tujuan perkongsian idea dan buah fikiran berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan.

#### IV. Mendapatkan pengesahan daripada peserta kajian

Responden kajian adalah orang yang paling tahu mengenai situasi dan reality yang berlaku di lapangan. Menurut Huberman (1984), mengembalikan dapatan kajian kepada informan adalah satu usaha yang dihormati tetapi tidak selalu digunakan dalam kajian kualitatif. Dalam kajian ini, pengkaji telah mendapatkan maklum balas dan pengesahan temu bual yang telah dijalankan melalui atas talian iaitu melalui e-mel.

#### 3.9.2 Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan bermaksud ketekalan pada skor yang diperolehi dan bagaimana ketekalan berlaku diantara setiap instrument kajian serta peserta kajian (Fraenkel, et al., 2012). Dalam kajian ini pengkaji menggunakan beberapa teknik iaitu:

- i Pengkaji menggunakan kaedah triangulasi. Penggunaan kaedah ini (temubual, analisis, dokumen dan pemerhatian) adalah bertepatan dengan kaedah pengumpulan data seperti yang telah dicadangkan sebelum ini.
- ii Pengkaji mempunyai peranan memberi penjelasan mengenai faktor penggunaan teori, penjelasan mengenai tema dan kod-kod yang telah dibentuk, pemilihan informan kajian serta kaedan dan cara pengumpulan data kajian.
- iii *Audit trial* merupakan merupakan satu bentuk teknik yang dapat membantu pengkaji menerangkan secara terperinci mengenai pengumpulan data serta memperincikan setiap kupasan yang dilakukan sepanjang kajian ini dijalankan dan ianya melalui proses seperti yang berikut:
  - a) Data kajian dikumpulkan melalui proses pengumpulan data kajian lapangan. Pengkaji membuat persediaan yang begitu rapi sebelum memulakan proses kajian lapangan iaitu memastikan semua bahan yang diperlukan lengkap dan dan berfungsi

dalam keadaan yang baik seperti alat perakam, protokol kajian atau set soalan temubual disamping minda yang fokus kepada objektif yang ingin dicapai sepanjang proses temubual itu berlangsung.

- b) Proses pemerhatian dilakukan secara langsung pada setiap aktiviti pencegahan buli yang dijalankan oleh setiap sekolah bagi meendapatkan maklumat sebelum proses temubual dijalankan.
- c) Setiap kali berada di lapangan, pengkaji sentiasa membawa buku nota bagi mencatatkan setiap maklumat pemerhatian yang diperolehi dan mengtranskrip hasil temubual yang dijalankan secara verbatim, ditaip dalam *Microsoft Word* dan dihantar semula kepada peserta kajian untuk proses semakan.

### **3.9.3 Kebolehpercayaan Analisis Indeks Koefisien Cohen Kappa (AICK)**

Untuk tujuan menentukan kebolehpercayaan tema dan unit data dalam kajian ini, pengkaji memilih koefisien Cohen Kappa sebagai instrument kesahan. Cohen's kappa adalah nilai metrik yang sering digunakan untuk mengukur persetujuan di antara dua penilai. Cohen (2002) telah memperkenalkan Indeks Persetujuan Koefisien bagi menentukan kebolehpercayaan data kaulitatif dengan memberi darjah persetujuan antara penilai. Persetujuan antara penilai adalah penting untuk menentukan kebolehpercayaan yang tinggi bagi setiap unit untuk menggambarkan sesuatu tema.

Persetujuan pakar dianalisis bagi menentukan kebolehpercayaan data setelah pengkaji mendapatkan maklum balas daripada borang persetujuan pakar. Indeks kebolehpercayaan Cohen Kappa penyelidikan ini secara keseluruhannya adalah  $K=0.82$ . Menurut Landis dan Koch (1977) nilai koefisien Kappa yang melebihi 0.75 adalah persetujuan yang terbaik keata 50% jangkakan persetujuan, nilai koefisien Kappa 0.40 hingga 0.60 menunjukkan nilai sederhana ke atas peratus jangkakan persetujuan dan

nilai koefisien Kappa 0.40 dan kebawah adalah lemah kerana berada di bawah 50% jangkakan persetujuan, sebagaimana dalam jadual di bawah:

Nilai Kappa	Interpretasi
Bawah 0.00	Sangat Lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21 – 0.40	Sederhana Lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat Baik

**Jadual 3.1:** Skala Interpretasi Nilai Koefisien Kappa

Ketagori konstruk beserta definisi operasional bagi setiap ketagori, tema utama dan sub tema yang dibentuk diserahkan kepada dua orang pakar untuk membuat pengiraan seperti yang ditunjukkan pada rajah di bawah. Nilai persetujuan setiap pakar dicatat secara berasingan dan kemudian diagreget bagi mendapatkan satu nilai persetujuan secara keseluruhan nilai tersebut seperti jadual di bawah:

Nilai Persetujuan Kappa Koefisien Pakar 1	Nilai Persetujuan Kappa Koefisien Pakar 2	Purata Keseluruhan Nilai Persetujuan Kappa Koefisien
$K = \frac{fa-fc}{N-fc}$	$K = \frac{fa-fc}{N-fc}$	$K = \frac{1.0+0.73}{2}$
$K = \frac{92-46}{92-46}$	$K = \frac{80-46}{92-46}$	$K = \frac{1.73}{2}$
$K = 10$	$K = 0.73$	<b>K=0.86</b>

**Jadual 3.2** Perkiraan Nilai Persetujuan Kappa Antara Pakar

Dalam kajian ini, pengesahan tema daripada kod-kod yang telah dikeluarkan daripada data temubual telah dilakukan oleh dua orang pakar dalam bidang pengajian al-Quran dan Sunnah dari Universiti yang berbeza sebagaimana jadual di bawah:

Bil	Nama	Wakil	Jawatan	Kepakaran	Tahap persetujuan
1	Pakar A	FPQS (Univesiti Sains Islam Malaysia)	Pensyarah Kanan	Pengajian Quran dan Sunnah	1.0
2	Pakar B	ACIS (Universiti Teknologi Mara)	Pensyarah Kanan	Pengajian Quran dan Sunnah	0.73

**Jadual 3.3** Senarai Panel Pakar Kesahan Tema Data Kualitatif

### 3.10 Kesimpulan

Bab ini secara keseluruhannya membincang dan menjelaskan mengenai metodologi kajian yang meliputi reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan tatacara penganalisan data. Secara khususnya, kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah tringulasi iaitu temubual dan analisis dokumen untuk mendapatkan data kajian. Semua data yang diperolehi, dikumpul, dianalisis dan diproses menggunakan perisian Atlas. Ti 9. Kesahan dan kebolehpercayaan data kajian telah digunakan bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Bagi mengukuhkan lagi kebolehpercayaan data, pengkaji telah mendapatkan nilai perkali Kappa. Dapatan kajian yang diperolehi dilaporkan dalam bentuk naratif, jadual dan rajah bagi mengesahkan huraian.

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA